

Analisis Pembuktian *Prima Facie* Berdasarkan Sabitan Qarinah dalam Kesalahan Matrimoni di Mahkamah Syariah Selangor

Shadli Sabarudin^{1*}, Aishah Mohd Nor¹, Rafeah Saidon¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia

*Pengarang Penghubung
shadli@uitm.edu.my*, aishahmnor@uitm.edu.my, rafeahs@uitm.edu.my

Received: 21 July 2022
Accepted: 26 September 2022
Online First: 1 November 2022

ABSTRAK

*Sesuatu dakwaan yang dilakukan di Mahkamah Syariah, pada asasnya bertujuan untuk menuntut hak atau kepentingan terhadap sesuatu perkara, ataupun bertujuan mempertahankan kepentingan tersebut daripada pihak yang mempertikai. Beban pembuktian terhadap sesuatu pendakwaan terletak atas pihak yang mendakwa. Dalam konteks jenayah di Mahkamah Syariah, seorang Pendakwa Syarie boleh mendakwa Orang Kena Tuduh (OKT) dalam kes yang melibatkan jenayah syariah atau kesalahan matrimoni apabila wujud qarinah yang kuat (*prima facie*). Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis pembuktian *prima facie* berdasarkan sabitan qarinah dalam kesalahan matrimoni di Mahkamah Syariah Selangor. Permasalahan kajian ialah tiada panduan bertulis bagi proses membuktikan kes *prima facie* dalam kesalahan matrimoni. Objektif kajian ialah menganalisis pembuktian *prima facie* dalam kesalahan matrimoni. Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen, fail-fail Mahkamah Syariah serta alasan penghakiman. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesalahan matrimoni merupakan jenayah di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS)*



2003) yang tertulis sebagai kertas pertuduhan dan fakta kes dan menjadi sabitan qarinah yang kuat (*prima facie*) bagi seorang Pendakwa Syarie untuk mendakwa OKT. Kesimpulan kajian ialah qarinah dalam kertas pertuduhan dan fakta kes merupakan beban bukti ke atas Pendakwa Syarie untuk mewujudkan kes *prima facie* terhadap kesalahan OKT. Namun begitu, qarinah tersebut mesti mencapai tahap yang yakin atau *al-zan al-ghalib*, bukan pada tahap *zan*, *syak* dan *waham*. Kajian ini memberi implikasi kepada penerokaan ilmu Undang-undang Keluarga Islam khususnya dalam membuktikan kes *prima facie* terhadap kesalahan matrimoni selain daripada kes jenayah syariah.

Kata kunci: kesalahan matrimoni, Mahkamah Syariah Selangor, *prima facie*, qarinah

An Analysis of *Prima Facie* Evidence Based on Qarinah's Conviction in Matrimonial Offenses in the Selangor Syariah Court

ABSTRACT

*A claim before the Syariah court aims to either attest one's right or interest over a particular matter or defend such interest against the claiming party. At this juncture, the onus of proof lies with the party initiating the claim. In the context of Syariah Criminal Law, a Syarie Prosecutor has the discretionary power to bring a criminal claim against the accused in cases pertaining to Syariah offences, be it criminal or matrimonial, should there exist a strong qarinah that successfully establishes a *prima facie* case. However, there has been a lack of guidelines in proving *prima facie* in cases relating to matrimonial offences. Therefore, this study examines the methods of establishing *prima facie* based on qarinah in matrimonial cases, particularly in cases decided by the Syariah Courts of Selangor. For data collection, the researchers employ qualitative methods through analysis of legal documents, case files from the Syariah Court, and its ratio decidendis. The findings of this study show that matrimonial offences are considered criminal offences under the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003. Hence, a case is considered a strong establishment of qarinah, sufficient to indicate *prima facie* for matrimonial offences, enabling*

the Syarie Prosecutor to prosecute the accused. Despite that, the qarinah itself must reach the degree of confidence, or al-zan al-ghalib, and not at the level of assumption, doubt, and waham. The authors believe this study may open doors to further discussions on Islamic Family Law, specifically in proving a prima facie case for matrimonial offences.

Keywords: *matrimonial offences, prima facie, qarinah, Selangor Syariah Courts*

PENDAHULUAN

Di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS 2003), terdapat beberapa seksyen yang memperuntukkan penalti bagi kesalahan matrimoni, iaitu kesalahan berkaitan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan (Seksyen 35-40), poligami tanpa kebenaran mahkamah (Seksyen 124), perceraian di luar dan tanpa kebenaran mahkamah (Seksyen 125), menganiaya isteri atau suami (Seksyen 128) dan sebagainya. Semua bentuk kesalahan matrimoni tersebut merupakan kesalahan jenayah *mal* kategori kesalahan tak boleh tangkap yang mengandungi hukuman berbentuk denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Apabila seseorang telah melakukan kesalahan matrimoni seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen tersebut, maka dia boleh didakwa di Mahkamah Syariah sekiranya berjaya dibuktikan kes *prima facie* ke atasnya. Beban pembuktian adalah terletak di atas pihak Pendakwa Syarie untuk membuktikan wujud kes *prima facie* bagi membolehkannya meneruskan perbicaraan kes tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metode analisis dokumen dengan meneliti pelbagai sumber iaitu Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 serta beberapa kitab, buku dan kamus. Sumber lain yang menjadi sandaran utama dalam merealisasikan hasil kajian ini adalah penelitian terhadap fail-fail kes Mahkamah Syariah dan alasan penghakiman. Semua sumber ini akan dianalisis untuk memperoleh ketepatan maklumat mengenai pendakwaan dan pembuktian Pendakwa Syarie terutamanya mengukur tahap beban pembuktian kes *prima facie*

dalam kesalahan matrimoni berdasarkan sabitan *qarinah*. Hasil kajian ini memberi impak kepada sumbangan akademik serta menjadi rujukan kepada pengamal undang-undang dan masyarakat dalam memahami bagaimana sesuatu kes itu dibuktikan kesalahannya sebelum didakwa atas pertuduhan yang dikenakan di Mahkamah Syariah.

PEMBUKTIAN PIHAK PENDAKWA

Beban pembuktian adalah sesuatu keterangan yang diperlukan untuk membolehkan sesuatu kesalahan disabitkan. Beban pembuktian memerlukan kepada sejumlah keterangan yang mesti dikemukakan terhadap sesuatu kes atau setakat mana tahap pembuktian yang diperlukan untuk mensabitkan sesuatu kes dalam Islam. Beban membuktikan terletak di atas pihak yang mendakwa (Subhi Mahmasani, 1952; ‘Abd. Karim Zaidan, 2002).

Orang yang mendakwa hendaklah membuktikan kebenaran dakwaannya bagi tujuan untuk menuntut hak atau mempertahankannya dalam keadaan pertikaian (‘Ali Qura’ah, 1952). Perkataan dakwaan digunakan bagi semua kes sama ada kes *hudud*, *qisas*, *diat* mahupun *takzir*, sama ada berhubung dengan hak Allah SWT atau hak manusia atau campuran kedua-duanya.

Terdapat empat rukun pendakwaan, iaitu (1) *mudda’i* (pihak yang mengemukakan dakwaan terhadap orang lain tentang sesuatu hak atau kepentingan), (2) *mudda’ alaihi* (pihak yang kena dakwa oleh seseorang tentang sesuatu kepentingan), (3) *mudda’* (perkara yang didakwa iaitu hak yang dituntut oleh pihak yang mendakwa ke atas yang kena dakwa) dan (4) dakwaan (bentuk perkataan, tulisan atau isyarat yang mengandungi tuntutan oleh pihak yang mendakwa terhadap pihak yang kena dakwa).

Dakwaan yang sah ialah dakwaan yang memenuhi keempat-empat rukun di atas. Hukum menjawab dakwaan yang sah ini adalah wajib. Pihak yang mendakwa hendaklah memberikan keterangan dan bukti terhadap dakwaannya. Pada dasarnya, apabila pihak yang mendakwa gagal membuktikan dakwaannya, maka pihak yang kena dakwa hendaklah diminta bersumpah. Jika ia enggan bersumpah, maka bolehlah dikembalikan sumpah tersebut kepada yang mendakwa.

Manakala, bagi dakwaan yang tidak memenuhi rukun di atas, dakwaannya tidak sah, justeru, tidak wajib dijawab oleh pihak yang kena dakwa. Hakim pula tidak wajar menerima dakwaan ini. Ini selari dengan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (EKMSS 2003) bahawa beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes *mal* terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'i*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-muda'a 'alaih*) (Seksyen 72, EKMSS 2003).

Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud. Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang tersebut (Seksyen 73 (1) (2), 75, EKMSS 2003).

Tahap pembuktian dakwaan pendakwa ini disebut sebagai *prima facie* dan ianya perlu dibuktikan sebelum sesuatu kes pendakwaan diteruskan.

TAHAP SABITAN QARINAH

Qarinah merujuk kepada fakta persoalan, fakta sampingan atau kadang kala dipanggil sebagai keberkaitan (*circumstantial evidence*). *Qarinah* berasal dari perkataan “*qarina*” yang bermaksud berserta, bersama atau bersahabat. Ia juga bermaksud perkara yang menunjukkan sesuatu (Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah, 2002; Al-Bahansi, 1962). Sebelum pihak Pendakwa Syarie mendakwa OKT di Mahkamah Syariah, beliau mesti mendapatkan bukti yang kuat dengan meneliti kepada *qarinah* yang wujud terhadap OKT. Justeru, apabila sesuatu kes disabitkan oleh Hakim, bermakna pembuktian yang dikemukakan berdasarkan *qarinah* tersebut telah sampai kepada tahap yakin. Manakala tahap tidak pasti pula terbahagi kepada tiga jenis iaitu *zan*, *syak* dan *waham*.

Zan (ظن)

Zan bermaksud sangkaan atau dalam keadaan tidak pasti tetapi lebih mirip kepada benar. Tahap ini tidak cukup untuk mensabitkan sesuatu kes. *Zan* adalah lawan kepada yakin (Mahmasani, 1952). Firman Allah SWT dalam surah Yunus: 36 yang bermaksud: “Sesungguhnya *zan* (sangkaan) itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu daripada kebenaran.”

Ayat tersebut menjelaskan bahawa *zan* tidak boleh menentukan kebenaran. Tambahan pula jika telah jelas kemelesetan dan kesalahannya (al-Tabari, 1995M/1415H). Namun demikian, dalam beberapa keadaan, *zan* boleh membantu mencapai kebenaran walaupun tidak dapat memberi kepastian. Ini dapat difahami daripada firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat: 12 yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (buruk) kerana sebahagian daripada sangkaan (*zan*) itu adalah dosa.”

Adakalanya *zan* menepati kebenaran sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Hujurat di atas. *Zan* yang sampai kepada tahap *al-zan al-ghalib* (berat sangka) adalah diterima dalam keterangan dan pembuktian, justeru, mengambil tempat yakin apabila gagal untuk sampai kepada tahap yakin. Sebagai contoh, jika sebuah kapal telah karam di tengah lautan, maka boleh dihukumkan penumpang kapal tersebut telah mati berdasarkan berat sangka atau *al-zan al-ghalib* (Mahmasani, 1952).

Syak (شك)

Syak ialah sangkaan atau keadaan tidak pasti di antara sabit atau tidak sabit. Persamaan tahap kemungkinan di antara benar atau salah tidak dapat ditentukan di antara duanya kerana persamaan tahap kemungkinannya. *Syak* tidak memadai untuk mengangkat atau menghilangkan yakin. Kaedah fiqh menegaskan yakin tidak terangkat melalui *syak* (البيْن لَا يَرَالْ بِالشُّكْ). Ini bermakna, keyakinan tidak boleh dikalahkan atau diketepikan oleh *syak* kerana yakin adalah suatu tahap yang tinggi sedangkan *syak* adalah suatu tahap yang rendah iaitu tahap kemungkinan. Oleh yang demikian, kemungkinan tidak boleh mengetepikan atau mengalahkan keyakinan (Muṣṭafa Ahmad al-Zarqa', 1968M/1387H).

Waham (وهام)

Waham ialah sangkaan atau keadaan tidak pasti yang lebih mirip kepada salah, atau lawan kepada *zan*. *Waham* tidak harus diambil kira. Ini bermakna, *waham* tidak boleh dijadikan asas pensabitan. Kategori *waham* ialah “kemungkinan semata-mata” tanpa alasan atau keterangan. Kemungkinan seperti ini ditolak (Mahmasani, 1952).

Walau bagaimanapun, tidak semua jenis kemungkinan ditolak dan tidak boleh diambil kira dalam pensabitan. Jika kemungkinan tersebut mempunyai alasan atau dalil, maka ia bukan lagi merupakan “kemungkinan semata-mata” tetapi boleh diambil kira. Kemungkinan boleh dibahagikan kepada dua jenis:

Pertama, kemungkinan semata-mata iaitu kemungkinan yang tidak lahir atau diperkuat dengan keterangan dan bukti. Jenis ini termasuk dalam kategori *waham*, dan kemungkinan tersebut hendaklah ditolak. Kedua, kemungkinan yang lahir atau diperkuat dengan keterangan dan bukti. Kemungkinan jenis ini boleh diterima, malahan adakalanya diutamakan atas keterangan dan bukti yang lain (Mahmasani, 1952).

Daripada penjelasan di atas dapat difahami bahawa berat beban bukti atau tahap pembuktian adakalanya sampai ke tahap yang paling berat iaitu yakin. Namun yakin yang dimaksudkan dalam *qarinah* oleh fuqaha bukanlah yakin tanpa sebarang keraguan. Ia hanyalah pada tahap berat sangka (*al-zan al-ghalib*), dan bukan yakin yang pasti (tanpa sebarang keraguan). Ini kerana, keterangan berdasarkan pembuktian walau bagaimana kuatnya ia tidak terlepas daripada sangkaan. Justeru, dalam mencari unsur *qarinah* dalam sesuatu kes, maka mesti mencapai “tahap tidak pasti” iaitu *al-zan al-ghalib*, bukan kemungkinan semata-mata kerana *qarinah* tidak boleh diterima dengan sewenang-wenangnya (al-Bahai, 1965).

ANALISIS PERBINCANGAN: PEMBUKTIAN *PRIMA FACIE* BERDASARKAN SABITAN QARINAH DALAM KESALAHAN MATRIMONI

Maksud *prima facie* ialah kes yang dapat diteruskan kerana mempunyai bukti yang kuat (Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah, 2002). *Prima facie* juga bermaksud pada zahirnya atau pada pandangan kasar sebelum diselidik dengan lebih terperinci (Kamus Dewan, 2019). Istilah *prima facie* biasanya terpakai ke atas kes jenayah sama ada jenayah sivil mahupun jenayah syariah. *Prima facie* juga boleh terpakai ke atas kesalahan matrimoni kerana ia juga merupakan kes jenayah *mal* yang melibatkan penalti seperti di dalam peruntukan EUKIS 2003 yang terdiri daripada Seksyen 35-40 iaitu penalti berhubung dengan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan serta Seksyen 124-131 untuk penalti kesalahan matrimoni yang lain.

Bagi mensabitkan sesuatu kesalahan matrimoni di bawah EUKIS 2003, Pendakwa Syarie perlu terlebih dahulu membuktikan fakta persoalan berdasarkan *qarinah haliah* (hal keadaan atau suasana) di dalam kertas pertuduhan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada Mahkamah (al-Bahai, 1965). Contohnya, apabila berlaku perceraian tanpa kebenaran di luar mahkamah, ia merupakan kesalahan matrimoni di bawah seksyen 125 EUKIS 2003. Maka, sekiranya berlaku lafadz talak tersebut, pelaku perlu memfailkan pengesahan perceraian di Mahkamah dengan mengemukakan butiran yang berkaitan seperti data peribadi, masa, tarikh dan tempat perceraian. Dalam masa yang sama, Pendakwa Syarie boleh menggunakan butiran-butiran tersebut sebagai fakta kes bagi mendakwanya di bawah kesalahan perceraian tanpa kebenaran Mahkamah, berdasarkan butiran yang diberikan kepada Mahkamah. Butiran ini sudah memadai untuk membuktikan wujud *prima facie* bagi mendakwa pelaku tersebut. Butiran fakta yang diberikan bukanlah tahap *zan*, *syak* dan *waham*, sebaliknya ia merupakan beban bukti yang yakin atau sampai tahap *al-zan al-ghalib*. Ini kerana fakta tersebut telah dikemukakan oleh orang yang melakukan kesalahan itu sendiri.

Dalam satu kes kesalahan matrimoni berkaitan dengan akad nikah perkahwinan iaitu kes *Pendakwa Syarie lwn. Nurfazian & Othman* (Nombor kes: 10021-165-0238-2017), *qarinah* dalam fakta kes menyatakan bahawa OKT perempuan telah bernikah dengan pasangannya di Thailand pada

26 November 2015. OKT didapati melakukan kesalahan tidak memohon kebenaran berkahwin daripada mana-mana Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk yang berbidangkuasa sebelum pernikahan dijalankan. Kesalahan tersebut berlawanan dengan Seksyen 19(a) EUKIS 2003 dan OKT telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 40 (2) EUKIS 2003. Manakala OKT lelaki didapati bersubahat dengan kesalahan yang dilakukan oleh OKT perempuan yang bertindak sebagai saksi pernikahan tersebut yang merupakan kesalahan di bawah Seksyen 134 EUKIS 2003. Pengesahan perkahwinan tersebut telah dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam pada 12 April 2016. Berdasarkan maklumat yang difailkan oleh kedua-dua OKT berserta pengesahan daripada Mahkamah Syariah, terdapat sabitan *qarinah* yang membenarkan pihak Pendakwa Syarie untuk mendakwa kedua-dua OKT dengan kesalahan bernikah tanpa kebenaran setelah berjaya membuktikan kes *prima facie* atas kesalahan tersebut.

Dalam kesalahan poligami tanpa kebenaran mahkamah iaitu kes *Mohd. Daud lwn. Pendakwa Syarie* (Nombor kes: 10010-166-0001-2008) di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor, *qarinah* dalam fakta kes menunjukkan bahawa tertuduh telah berkahwin pada 24 Februari 2003 di Thailand, bagi kali kedua (berpoligami) dengan seorang wanita bernama Yusrina. Dalam masa yang sama tertuduh masih mempunyai isteri yang sah bernama Zuraidah. Berdasarkan *qarinah* dalam kertas pertuduhan ini tertuduh didakwa atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah di bawah Seksyen 123, EUKIS, No. 4 Tahun 1984. OKT disabitkan kesalahan berpoligami tanpa kebenaran berdasarkan *qarinah* berbentuk dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada mahkamah iaitu salinan surat perakuan nikah di antara OKT dengan isteri pertama yang telah disahkan dan salinan surat keterangan nikah Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Thailand di antara tertuduh dengan isteri kedua yang juga telah disahkan.

Begitu juga dalam kes *Suhairi lwn. Pendakwa Syarie* (Nombor kes: 10010-166-0026-2012) di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor yang melibatkan kesalahan poligami tanpa kebenaran mahkamah. *Qarinah* dalam kertas pertuduhan yang dibaca oleh pihak mahkamah menunjukkan bahawa OKT telah berkahwin pada 14 Januari 2011 di Thailand bagi kali kedua (berpoligami) dengan seorang wanita bernama Siti Amnah. Berdasarkan *qarinah* dalam kertas pertuduhan tersebut, OKT telah didakwa atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah di bawah

Seksyen 23, EUKIS No. 2 Tahun 2003. Dalam kes ini, didapati OKT telah berkahwin kali pertama dengan Ropeah pada 27hb Jun 1977 di Johor Darul Takzim dan OKT tidak pernah menceraikan isteri pertamanya sehingga kini.

Berdasarkan *qarinah-qarinah* dalam fakta kes dan dokumen-dokumen yang dikemukakan, pihak Pendakwa Syarie telah berjaya membuktikan OKT berpoligami tanpa kebenaran daripada Mahkamah Syariah. Pembuktian dakwaan tersebut adalah menjadi tanggungjawab Pendakwa Syarie selari dengan kaedah fiqh yang berbunyi: *البينة على المدعي والمدين على من انكر* (keterangan atas yang mendakwa dan sumpah atas yang ingkar) (Mahmud Saedon A. Othman, 2003).

Dalam mana-mana prinsip jenayah, sesuatu kesalahan bergantung kepada dua keadaan. Pertama, perbuatan tertuduh itu telah menyebabkan berlaku pelanggaran undang-undang atau dikenali sebagai *actus-reus*. Kedua, tertuduh berada dalam keadaan fikiran yang jelas berhubung dengan kesalahan tersebut dan mempunyai niat untuk melakukannya atau dikenali sebagai *mens-reus*.

Dalam alasan penghakiman kes *Mohd. Daud lwn. Pendakwa Syarie* dan *Suhairi lwn. Pendakwa Syarie*, Hakim Syarie YA Tuan Shukran Yusof mendapati tindakan OKT untuk bernikah kali kedua (berpoligami) tanpa kebenaran dari mahkamah merupakan sesuatu yang dirancang dengan niat untuk melakukan kesalahan tersebut memandangkan prosedur pernikahan poligami di Thailand tidak memerlukan kebenaran daripada Mahkamah (*actus-reus*). OKT juga berniat dengan kerelaan hati tanpa sebarang paksaan atau ugutan daripada mana-mana pihak, sungguhpun mengetahui tindakannya adalah satu kesalahan semasa melakukan kesalahan tersebut (*mens-reus*). Tambahan pula, tertuduh Mohd. Daud merupakan seorang yang berpengetahuan dan berpengalaman dengan proses perkahwinan mengikut Enakmen Negeri kerana tertuduh merupakan seorang ahli Parlimen dan biasa memahami dan meneliti serta membahaskan sesuatu rang atau draf undang-undang sebelum ia diluluskan.

Tertuduh yang sememangnya berniat untuk berpoligami telah mengambil jalan mudah, senang dan cepat tanpa berfikir panjang. Mahkamah mengakui bahawa hukum syarak membenarkan seseorang lelaki yang berkemampuan layak berkahwin lebih daripada satu sebagaimana yang

dijelaskan oleh al-Quran dalam surah al-Nisa' ayat 3. Namun, sekiranya OKT berpendapat bahawa dia layak berpoligami, dia perlu memohon kepada mahkamah kebenaran seperti yang disyaratkan dalam peruntukan Seksyen 23, EUKIS 2003.

KESIMPULAN

Peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 mengenai penalti terhadap kesalahan matrimoni merupakan jenayah *mal* yang boleh dituduh dan didakwa di Mahkamah Syariah kerana melanggar undang-undang. Apabila seseorang telah melakukan suatu kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen tersebut, maka dia perlu memfailkannya di Mahkamah Syariah dengan mengemukakan dokumen dan butiran maklumat yang dikehendaki seperti data peribadi, masa kesalahan dilakukan, tarikh, tempat dan sebagainya. Maklumat-maklumat tersebut adalah *qarinah* yang akan diteliti oleh bahagian pendakwaan untuk menentukan sama ada wujud kes *prima facie* (bukti yang kuat) sebelum diambil tindakan di Mahkamah Syariah. Jika didapati wujud *prima facie* menurut peruntukan undang-undang, maka Pendakwa Syarie boleh mendakwa seseorang itu atas kesalahan yang dipertuduhkan berdasarkan kepada sabitan *qarinah* tersebut iaitu *qarinah haliah* (hal keadaan atau suasana). Oleh itu, sesuatu yang disabitkan *qarinah* dan mesti mencapai tahap yakin atau *al-zan al-ghalib* merupakan beban bukti ke atas Pendakwa Syarie untuk mewujudkan kes *prima facie* atas kesalahan yang dilakukan sebelum seseorang itu dituduh dan didakwa di Mahkamah Syariah.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA atas pembiayaan Geran Penyelidikan MyRA Lepasan PhD (LPhD) (No Fail RMC: 600-RMC/GPM LPHD 5/3(156/2021) dan penghargaan juga kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari Shah Alam kerana menerbitkan hasil kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada sebarang konflik kepentingan sama ada dari sudut kawangan atau hubungan peribadi atau hubungan kekeluargaan dalam penulisan artikel ini. Perkara ini amat penting bagi mengekalkan keaslian dan ketulenan bagi menghasilkan kualiti yang terbaik sepanjang penulisan artikel ini berlangsung.

SUMBANGAN PENULIS

Shadli Sabarudin mengumpul data kemudian merangka dan menulis artikel ini. Shadli Sabarudin juga beserta Aishah Mohd Nor dan Rafeah Saidon menyemak, mengolah dan menambah baik data tersebut bagi merealisasikan tahap ketepatan maklumat dan gaya penulisan yang unggul.

RUJUKAN

- Al-Bahai, A. A. M. (1965). *Min Turuq al-Ithbatfi al-Syariah wa fi al-Qanun*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Bahansi, A. F. (1962). *Nazariah al-Ithbat*. Kaherah: Al-‘Arabiyyah li al-Tiba’ah.
- Al-Zarqa’, M. A. (1968 M/1387 H). *Al-Madkhali al-Fiqhiy al-‘Am*. Jil. 2. Damsyik: Matba’ah Tarbaini.
- Kamaruddin, Z. & Abdullah, R. (2002). *Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. 2019. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmasani, S. (1952). *Falsafah al-Tasyri’fi al-Islam*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kasyaf.

Othman, M. S. (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Qura'ah, A. (1952). *Al-Usul al-Qada'iyyah fi al-Muraffah al-Syar'iyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Nahdah.

Zaidan, A. K. (2002). *Nizam al-Qada'fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Senarai Statut

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.

Nombor dan Senarai Kes

10021-165-0238-2017. Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam *Pendakwa Syarie lwn. Nurfazian & Othman*

10010-166-0026-2012. Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor *Suhairi lwn. Pendakwa Syarie*

10010-166-0001-2008. Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor *Mohd. Daud lwn. Pendakwa Syarie*

